

# **MESYUARAT AIR WORKING GROUP (AWG) ROYAL THAI AIR FORCE (RTAF) DAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) KE 93**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2137-mesyuarat-air-working-group-awg-royal-thai-air-force-rtaf-dan-tentera-udara-diraja-malaysia-tudm-ke-93](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2137-mesyuarat-air-working-group-awg-royal-thai-air-force-rtaf-dan-tentera-udara-diraja-malaysia-tudm-ke-93)

Mesyuarat ini telah dilaksanakan pada 19 hingga 22 Julai 17 di Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat ini adalah mesyuarat penggal kedua bagi tahun 2017 dan TUDM telah bertindak sebagai penganjur bagi mesyuarat kali ini.

Mesyuarat telah dipengerusikan secara bersama oleh Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM, Panglima Wilayah Udara 1 selaku penggerusi TUDM dan Air Marshal Bhanupong Seyayongka, Deputy Chief of the Air Staff (Operations) selaku penggerusi RTAF. Tujuan mesyuarat adalah untuk membincang dan merancang semua aktiviti dua hala yang melibatkan TUDM dan RTAF sepanjang tahun 2017 dan 2018.

Bagi meningkatkan tahap keserasian dan setia kawan antara ahli-ahli mesyuarat kedua negara, mereka telah disajikan dengan aktiviti riadah dan lawatan ke tempat tarikan pelancong. Dengan aktiviti sebegini, hubungan baik sedia ada antara kedua negara dapat terus dikenalkan dan ditingkatkan yang secara tidak langsung boleh memastikan kestabilan keselamatan serantau dapat dikenalkan.

